

## Tuanku Muhriz rasmi Dewan Canselor Usim

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mencatat sejarah tersendiri apabila Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan merasmikan Dewan Tuanku Canselor di kampus berkenaan, semalam.

Selain mencemar duli merasmikan dewan, baginda turut berkenan melancarkan Buku Integrasi Naqli Aqli.

Dewan Tuanku Canselor Usim yang sebelum ini dikenali sebagai Dewan Besar Usim dibina di atas tanah berkeluasan 5.99 hektar dengan kos sebanyak RM43.5 juta dan siap pembinaannya Ogos lalu.

Rekabentuk keseluruhan bangunan menerapkan nilai-nilai rekabentuk Islam bagi mencerminkan matlamat serta misi Usim untuk menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang pro-



Tuanku Muhriz dan Tuanku Aishah Rohani melancarkan buku 'Usim : Mempelopori Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli' dan 'Integrasi Naqli dan Aqli'.

gresif serta maju dalam bidang sains dan teknologi.

Ruang utama dewan tersebut boleh memuatkan 5,000 orang dalam satu-satu masa.

Manakala, buku Integrasi Naqli

Aqli pula ditulis setiap fakulti di universiti terbabit.

Turut berangkat ke majlis berkenaan, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar



Tuanku Muhriz dan Tuanku Aishah Rohani mendengar maklumat berkenaan aplikasi EZ Pay versi 1.1 disampaikan Dr Hishamuddin Abdul Wahab (kiri).

Mahmud yang juga merupakan Tuanku Canselor Usim.

Berangkat sama, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz.

Majlis berkenaan turut dihadiri

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin dan Naib Canselor Usim, Prof. Datuk Dr Musa Ahmad.